

**PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA MAYA
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH
KEMASUKAN JUN/JULAI SESI 2021/2022**

1. PENDAHULUAN

- (a) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) akan mengadakan Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Maya bagi Sesi Kemasukan Jun/Julai Sesi Pengajian 2021/2022.
- (b) Pendaftaran Secara Maya ini bertujuan untuk memutuskan rantai jangkitan wabak Covid-19 yang masih menular pada masa ini dan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh (Total Lockdown) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokasi-lokasi tertentu dalam negara.

2. TARIKH, MASA DAN TEMPAT

- (a) Tarikh : Bermula 08 Jun 2021 hingga 08 Julai 2021
- (b) Masa : 9.00 Pagi – 5.00 Petang
- (c) Tempat : Laman Web Rasmi KUIPSAS – www.kuipsas.edu.my

3. KEPERLUAN TEKNIKAL

- (a) Peranti : komputer riba, telefon bimbit, tablet atau peranti mudah alih yang lain.
- (b) Pelayar web
- (c) Sambungan Internet

4. PROSES PENDAFTARAN



5. PROSES 1 : LOG MASUK

- (a) Pemohon melayari laman web rasmi KUIPSAS di www.kuipsas.edu.my
- (b) Klik pada banner web Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Maya dan pemohon akan dibawa ke Sistem eKampus KUIPSAS.
- (c) Klik butang Pendaftaran Pelajar Baharu Kemasukan Jun/Julai 2021.
- (d) Sila log masuk dengan memasukkan nombor kad pengenalan dan nombor telefon atau poskod.
- (e) Sila hubungi Pentadbir Sistem jika gagal untuk log masuk.

6. PROSES 2 : MAKLUMAT PROGRAM

- (a) Sistem akan memaparkan :
 - i. Nama Pemohon
 - ii. Nombor Kad Pengenalan
 - iii. Program Yang Ditawarkan

- iv. Sesi Kemasukan
- v. Tempoh Pengajian
- (b) Klik butang Seterusnya.

7. PROSES 3 : MAKLUMAT BAYARAN

- (a) Pastikan Status Bayaran anda samada :
 - i. Bayaran Sudah Dijelaskan – jika bayaran samada RM50 atau RM200 atau RM500 sudah dibuat lebih awal menggunakan JomPAY. Tarikh dan amaun bayaran akan dipaparkan.
 - ii. Bayaran Belum Dijelaskan – jika masih belum membuat sebarang bayaran
- (b) Klik butang Seterusnya.

8. PROSES 4 : BAYARAN DEPOSIT PENDAFTARAN

- (a) Pemohon berstatus Bayaran Sudah Dijelaskan akan melangkaui proses ini.
- (b) Pemohon berstatus Bayaran Belum Dijelaskan akan diminta membuat bayaran deposit pendaftaran pada proses ini.
- (c) Klik Menu Permohonan untuk membuat bayaran.
- (d) Bayaran Deposit Pendaftaran minimum RM50 dan maksimum RM500 hendaklah dibayar menggunakan Sistem FPX yang disediakan. Pastikan pemohon mempunyai akaun Internet Banking untuk membuat bayaran.

9. PROSES 5 : KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI

- (a) Masukkan maklumat peribadi anda. Nombor telefon bimbit dan alamat emel yang betul mesti dimasukkan.
- (b) Masukkan maklumat bapa/penjaga, ibu dan waris.
- (c) Maklumat mengenai program pengajian yang ditawarkan tidak boleh ditukar.

10. PROSES 6 : MUAT NAIK DOKUMEN

- (a) Pemohon perlu memuat naik dokumen pengenalan diri seperti berikut :
 - i. Kad Pengenalan
 - ii. Gambar terbaru ukuran passport
- (b) Pemohon perlu memuat naik dokumen keputusan peperiksaan seperti berikut :
 - i. Program Asasi dan Diploma : muat naik Slip Keputusan SPM
 - ii. Program Ijazah Sarjana Muda : muat naik Slip Keputusan STPM / STAM / Skrol Diploma / Transkrip Diploma / Transkrip Asasi atau Matrikulasi / Surat Pengesahan Tamat Pengajian / Slip Keputusan MUET
 - iii. Program Sarjana : Skrol Ijazah Sarjana Muda / Transkrip Ijazah / Terjemahan Skrol Ijazah atau Transkrip
- (c) Format dokumen ialah JPEG / PNG / PDF.
- (d) Saiz setiap dokumen tidak melebihi 2MB.
- (e) Dokumen yang dimuat naik mestilah benar dan sah. Jika pihak KUIPSAS dapat mengesan sebarang penipuan dalam penghantaran dokumen ini, tawaran dan pendaftaran ini akan dibatalkan dengan serta merta.
- (f) Klik butang Muat Naik.

11. PROSES 7 : PENGAKUAN

- (a) Pemohon perlu membaca pengakuan yang dipaparkan dan klik butang pengesahan yang disediakan.
- (b) Klik butang Daftar untuk menghantar pendaftaran anda kepada KUIPSAS.
- (c) Sila semak semua maklumat ringkasan pendaftaran yang dipaparkan. Pastikan semua maklumat adalah betul.

12. PROSES 8 : PAPARAN SLIP PENDAFTARAN

- (a) Sistem akan memaparkan mesej bahawa pendaftaran telah berjaya dilakukan.
- (b) Klik butang Slip Pendaftaran dan akan dipaparkan :
 - i. Nama Pelajar
 - ii. Nombor Kad Pengenalan
 - iii. Nombor Kad Matrik
 - iv. Nombor Barkod
 - v. Sesi Kemasukan
 - vi. Sesi (Semester) Semasa
 - vii. Program Pengajian
 - viii. Tarikh Pendaftaran
- (c) Klik butang Cetak untuk mencetak Slip Pendaftaran.
- (d) Klik Resit Pembayaran untuk menyemak Resit Rasmi Pembayaran dan klik butang Cetak untuk mencetak Resit Pembayaran.
- (e) Pendaftaran yang berjaya juga akan menerima notifikasi melalui emel.

13. LOG KELUAR

- (a) Pemohon klik butang Log Keluar untuk keluar daripada Sistem Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online.
- (b) Pelajar Baharu yang selesai mendaftar dikehendaki kembali ke laman web rasmi KUIPSAS untuk mendapatkan maklumat seterusnya mengenai Minggu Aluan Siswa Secara Maya dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

14. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- (a) Pemohon tidak dibenarkan membuat pertukaran program pengajian semasa membuat Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online. Pemohon dikehendaki mendaftar program pengajian yang ditawarkan dan dipaparkan di dalam sistem pendaftaran.

- (b) Permohonan untuk menukar Program Pengajian boleh dibuat selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dibuat. Permohonan ini akan diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Akademik.
- (c) Sila muat turun Borang Permohonan Pertukaran Program Pengajian, cetak borang, isi selengkapnya dan emelkan kepada Jabatan Pengurusan Akademik KUIPSAS.
- (d) Jabatan Pengurusan Akademik KUIPSAS boleh dihubungi melalui :
 - i. Telefon : 09-5535555 (Sambung ke JPA) / 017-9759803 (En. Firdaus) / 018-7854575 (Pn. Siti Noor)
 - ii. Emel : akd@kuipsas.edu.my

15. NOMBOR HOTLINE / BANTUAN

- (a) Bagi membantu semua pemohon melakukan pendaftaran secara online dengan lancar, anda boleh menghubungi talian hotline seperti berikut :
 - i. 019-2301003 (En. Hisyam)
 - ii. 019-9899153 / 018-9127632 (En. Safuan)
 - iii. 017-9878865 (Cik Syafira)
 - iv. 010-8670374 (Pn. Yatt)
 - v. 019-5828115 (Cik Aimie)
- (b) Nombor hotline akan beroperasi untuk membantu pemohon-pemohon membuat pendaftaran online pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

16. PEMBAYARAN DEPOSIT YURAN PENDAFTARAN

- (a) Pembayaran sebelum Hari Pendaftaran :
 - i. Boleh dibuat sehingga 07 Jun 2020 (Isnin) jam 6.00 petang.
 - ii. Sila berikan maklumat bayaran dalam Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran secara dalam talian. Sila rujuk Langkah 2 pada muka surat ke-2 Surat Tawaran.

- iii. Kegagalan memaklumkan pembayaran ini akan menjejaskan kelancaran proses pendaftaran secara online.
- (b) Pembayaran pada Hari Pendaftaran boleh dibuat secara FPX dan Internet Banking semasa berada pada Proses 4 : Bayaran Deposit Pendaftaran.

17. CETAK RESIT RASMI PEMBAYARAN

- (a) Pemohon yang sudah berjaya mendaftar boleh mencetak Resit Rasmi Pembayaran. Klik pada butang Resit Pembayaran.

18. TEMUDUGA CALON DIPLOMA KAUNSELING ISLAM

- (a) Semua pemohon yang mendaftar sebagai pelajar baharu Diploma Kaunseling Islam perlu melalui sesi temuduga sebelum mendaftar.
- (b) Temuduga akan dijalankan secara dalam talian (online).
- (c) Pensyarah-pensyarah Jabatan Psikologi dan Kaunseling KUIPSAS akan menghubungi pelajar-pelajar yang berkenaan untuk menetapkan tarikh dan masa sesi temuduga akan dijalankan.
- (d) Maklumat lanjut berkaitan sesi temuduga ini boleh diajukan kepada Pn. Nur Yani bt. Hussin di talian 019-3034470.

19. MINGGU ALUAN SISWA (PROGRAM ORIENTASI) SECARA MAYA

- (a) Minggu Aluan Siswa akan dijalankan secara maya melalui aplikasi *online meeting* yang akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) KUIPSAS.
- (b) Semua pelajar baharu diminta untuk mengikuti program tersebut bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai KUIPSAS.
- (c) Jadual taklimat secara dalam talian akan dimuat naik ke laman web rasmi KUIPSAS.

20. PERMULAAN MINGGU AKADEMIK

- (a) Minggu Akademik bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 akan bermula pada 12 Julai 2021.
- (b) Pembelajaran akan dijalankan secara dalam talian (online).

21. KEMAS KINI KEPUTUSAN RASMI SPM 2020

- (a) Pelajar-pelajar baharu yang memohon dan mendaftar menggunakan Keputusan Percubaan SPM dikehendaki untuk membuat kemas kini keputusan dengan Keputusan Rasmi SPM selepas diumumkan. Kelayakan masuk pelajar akan disemak semula berdasarkan keputusan rasmi SPM.
- (b) Kaedah untuk mengemaskinikan keputusan akan dimaklumkan di dalam laman web rasmi KUIPSAS.

T A M A T

Disediakan oleh :
Jabatan Perhubungan Korporat KUIPSAS
09-5535555 / 019-9899153
pro@kuipsas.edu.my

Versi Dokumen : 1
Tarikh kemas kini : **07 Jun 2021**